

IQRA'



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak

اقر

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my

HARI PUSTAKAWAN 2021

LIVE HD

LIVE@PTAR

Islam Dalam Perlembagaan
Persekutuan

PTAR Cawangan Shah Alam - muka 6

Silence No More

PTAR Cawangan Rembau - muka 10

Cat Parenting 101

PTAR Cawangan Tapah - muka 21

WEBINAR


Cyberbully




PTAR Cawangan Rembau - muka 11

BICARA HARI PUSTAKAWAN

Pustakawan Muda & Norma Baharu

PTAR Cawangan Sarawak - muka 24





Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah telah mengadakan Program Library Outreach bersama Fakulti bagi menyampaikan maklumat terkini mengenai perkhidmatan yang ditawarkan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Fakulti Sains Komputer dan Matematik merupakan fakulti pertama yang menyertai Program Library Outreach anjuran Perpustakaan Tun Abdul Razak Kampus Tapah pada 2 Jun 2021. Seramai 46 orang pensyarah telah menyertai program ini menerusi platform Google Meet. Program selama satu jam ini bermula dengan kata-kata aluan dari Ketua Bahagian PTAR Kampus Tapah, Puan Nur Aida Rousli dan diteruskan dengan perkongsian mengenai perkhidmatan perpustakaan seperti Pangkalan Data Atas Talian, Kelas Kemahiran Maklumat, Chat With Librarian dan My Knowledge Management Portal. Di samping itu, perkara lain turut dikongsi seperti Local Content, Penyerahan Bahan Harta Intelek dan validasi penerbitan PRISMa supaya para pensyarah terutamanya yang baru mendapat maklumat yang tepat.

Pada 24 Jun 2021, Program Library Outreach yang kedua telah dilaksanakan bersama Fakulti Sains Gunaan UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah. Dengan objektif yang sama semua perkhidmatan yang ditawarkan oleh PTAR telah dikongsi bersama para pensyarah. Sebelum program berakhir, pihak PTAR turut mendapatkan maklumbalas daripada pihak pensyarah supaya pihak PTAR dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada warga universiti.